

BULETIN



EDISI

2017

PENGUAT KUASA VETERINAR



KE ARAH KECEMERLANGAN PENGUAT KUASA VETERINAR

ANTARA YANG MENARIK

Sejarah Penubuhan
Bahagian Penguatkuasaan
Jabatan Perkhidmatan Veterinar

Memori Mesyuarat Ketua-Ketua
Penguat Kuasa Veterinar Negeri/
Cawangan



ISI KANDUNGAN



| | |
|---------------------------------|----|
| ISI KANDUNGAN | 2 |
| SEKAPUR SIREH | 3 |
| PENGARAH | |
| BAHAGIAN PENGUATKUASAAN | |
| SOROTAN | 4 |
| KETUA PENYELARAS | |
| DARI MEJA KETUA EDITOR | 5 |
| SIDANG PENGARANG | 6 |
| SEJARAH PENUBUHAN | |
| BAHAGIAN PENGUATKUASAAN | |
| JABATAN PERKHIDMATAN | |
| VETERINAR | |
| VISI, MISI, OBJEKTIF & | 9 |
| PIAGAM PELANGGAN | |
| PEJABAT PENGUAT KUASA | 10 |
| VETERINAR NEGERI & | |
| CAWANGAN | |
| OPERASI | 13 |
| PENYIASATAN | 17 |
| PENDAKWAAN | |
| KURSUS DAN SEMINAR | 20 |
| MEMORI MESYUARAT KETUA-KETUA | 22 |
| PENGUAT KUASA VETERINAR NEGERI/ | |
| CAWANGAN YANG TELAH DIADAKAN | |
| PROGRAM KHIDMAT NASIHAT | 24 |
| UNDANG-UNDANG VETERINAR | |
| AKTIVITI SOSIAL DAN KEBAJIKAN | 25 |
| SUKAN DAN RIADAH | 28 |
| KERATAN AKHBAR | 29 |
| PEMBENTANGAN PENCAPAIAN | 30 |
| KES BAGI ANUGERAH PIALA | |
| "1 PENGUAT KUASA" | |
| PENGIFTIRAFAN | 31 |
| LAIN-LAIN AKTIVITI | 32 |
| JASAMU DIKENANG | 34 |
| WARGA PENGUAT KUASA | 36 |
| VETERINAR | |



SEKAPUR SIREH

PENGARAH BAHAGIAN PENGUATKUASAAN



DATO' HJ. MOHAMED RADZUAN B MALEK

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan "Salam 1 Penguat Kuasa"

TERLEBIH dahulu saya melahirkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya, kita dapat bertemu di dalam keluaran Buletin Penguat Kuasa Veterinar buat julung kali sepanjang penubuhan Bahagian Penguatuasaan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia. Edisi Buletin Penguat Kuasa ini adalah bertujuan untuk memberi gambaran tentang segala aktiviti, peranan, dan tanggungjawab yang dimainkan oleh semua warga Penguat Kuasa Veterinar dalam usaha menguatkuasakan Undang-Undang Jabatan dan membantu serta memberi sumbangan ke arah peningkatan kualiti perkhidmatan Jabatan.

Bahagian Penguatuasaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai perundangan jabatan yang sedang dikuatkuasakan. Bahagian Penguatuasaan sentiasa melaksanakan usaha berterusan bagi mencapai sasaran KPI Jabatan. Usaha ini memerlukan komitmen jitu semua pihak warga Penguat Kuasa Veterinar bagi memastikan pencapaian

“... saya menyeru semua warga Penguat Kuasa Veterinar untuk sama-sama meningkatkan prestasi diri dan bekerja dalam satu pasukan.”

akan terus dapat dipertingkatkan. Saya juga percaya bahawa warga Penguat Kuasa JPV ini juga telah matang dalam menjalankan tugas harian tidak kira dari tugas penguatuasaan dan pengurusan undang-undang serta urusan pentadbiran.

Justeru, saya menyeru semua warga Penguat Kuasa Veterinar untuk sama-sama meningkatkan prestasi diri dan bekerja dalam satu pasukan. Saya juga berdoa agar kita sama-sama mengharungi segala cabaran dengan penuh semangat dan dedikasi serta memperbaharui tekad dan azam.

Akhir kalam, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua warga Penguat Kuasa Veterinar yang telah sama-sama menyumbang untuk penerbitan buletin ini. Tidak lupa juga kepada kepada sidang pengarang yang telah berusaha dengan gigih bagi menerbitkan Buletin Penguat Kuasa Veterinar buat julung kalinya. Semoga Buletin ini akan dimanfaatkan sebaik mungkin oleh seluruh warga Penguat Kuasa Veterinar serta mencapai matlamat penerbitannya.



SOROTAN KETUA PENYELARAS



EN. ZAHARINAN BIN ABD AZIZ

“ Ianya juga dapat dijadikan sebagai dokumen perantara bagi warga Penguat Kuasa Veterinar khususnya dan warga Jabatan Perkhidmatan Veterinar amnya. ”

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan “Salam 1 Penguat Kuasa”

PUJI dan syukur saya panjatkan kehadrat Allah Yang Maha Esa kerana dengan rahmat dan hidayahNya Buletin Penguat Kuasa Veterinar yang julung kali dapat disempurnakan dengan jayanya.

Buletin ini dapat menggambarkan serba sedikit mengenai aktiviti-aktiviti utama Bahagian Penguatkuasaan Veterinar di samping aktiviti-aktiviti sampingan yang lain. Kandungan buletin ini membolehkan kita mengimbas kembali peristiwa-peristiwa utama yang telah berlaku pada tahun 2016 hingga pertengahan 2017.

Usaha mendokumentasikan aktiviti-aktiviti tersebut juga harus dipuji kerana ia akan menjadi dokumen bersejarah yang boleh menjadi bahan rujukan di masa akan datang. Ianya juga dapat dijadikan sebagai dokumen perantara bagi warga Penguat Kuasa Veterinar khususnya dan warga Jabatan Perkhidmatan Veterinar amnya.

Ucapan tahniah dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Sidang Pengarang yang telah dapat menyempurnakan Buletin Penguat Kuasa Veterinar ini dan saya percaya penerbitan Buletin ini tidak dapat disempurnakan melainkan dengan kerjasama dari semua Penguat Kuasa Veterinar Negeri dan Cawangan.

DARI MEJA KETUA EDITOR



EN. LOGANANTHAN A/L ARMOM

Salam Sejahtera dan "Salam 1 Penguat Kuasa"

RASA bersyukur dan gembira kerana dapat bertemu di keluaran Buletin Penguat Kuasa Veterinar yang terunggul ini. Buletin ini merangkumi aktiviti-aktiviti utama Bahagian Penguatkuasaan di peringkat Ibu Pejabat Putrajaya dan di peringkat Penguat Kuasa Veterinar Negeri dan Cawangan bagi tempoh tahun 2016 sehingga pertengahan tahun 2017.

Masa berlalu terlalu pantas dan tahun 2017 hampir meninggalkan kita. Di sepanjang tahun 2016 sehingga pertengahan tahun 2017, pelbagai aktiviti utama di Bahagian Penguatkuasaan Veterinar telah dilaksanakan dengan jayanya. Bahagian Penguatkuasaan Veterinar tidak pernah sunyi daripada pelbagai aktiviti Jabatan. Segala aktiviti, majlis dan program dapat direalisasikan dengan komitmen dan kerjasama yang jitu antara semua warga Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

“Buletin ini turut memaparkan kerjasama yang erat di kalangan anggota Penguat Kuasa serta keakraban di antara pihak pengurusan dan kakitangan.”

Pembaca yang dihormati, Buletin ini merupakan satu medium Bahagian Penguatkuasaan dalam menyampaikan maklumat berkenaan Penguat Kuasa Veterinar dan aktiviti-aktiviti utama penguatkuasaan di samping aktiviti-aktiviti lain. Buletin ini turut memaparkan kerjasama yang erat di kalangan anggota Penguat Kuasa serta keakraban di antara pihak pengurusan dan kakitangan yang menjadi faktor penentu kejayaan Bahagian Penguatkuasaan.

Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada sidang pengarang yang telah bertungkus-lumus dalam menyempurnakan keluaran Buletin ini. Diharapkan agar kerjasama dan usaha ini dapat diteruskan untuk penerbitan Buletin Penguat Kuasa Veterinar pada setiap tahun.

SIDANG PENGARANG



En. Zaharinan bin Abd Aziz
Ketua Penyelaras



Dato' Hj. Mohamed Radzuan bin Malek
Penaung



En. Logananthan a/l Armom
Ketua Editor



Tn. Hj. Jamadi bin Badri
Penyelaras



En. Subramanian a/l Ellappan
Penyelaras



En. Mohd Shahihan bin Hj. Mohd Tahar
Editor



Puan Hjh. Roba`atulaliah bt. Mohd
Editor



En. Roziman bin Awang Tahirin
Editor



SEJARAH PENUBUHAN **BAHAGIAN PENGUATKUASAAN JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

Bahagian Penguatkuasaan pada asalnya telah ditubuhkan pada tahun 1974 di bawah Lembaga Kemajuan Ternakan Negara (Majuternak). Fungsi Utama Bahagian pada masa itu adalah untuk menguatkuasakan Kaedah-Kaedah Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara (Kawalan Penyembelihan) 1975 yang dibuat di bawah Akta Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara (Pindaan) 1973. Kaedah-Kaedah tersebut telah diwarta dan dikuatkuasakan di lapan (8) kawasan rumah sembelih, dalam tujuh (7) buah negeri. Bagi tujuan tersebut lapan (8) buah Cawangan Penguat Kuasa diwujudkan dengan sejumlah 90 jawatan pelbagai gred diluluskan.

Mulai tahun 1982, apabila Majuternak dibubarkan, fungsi Bahagian Penguatkuasaan Majuternak telah diambil alih oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan (sekarang dikenali sebagai Jabatan Perkhidmatan Veterinar) dan semua pegawai yang sedang berkhidmat turut diserapkan. Sehubungan dengan itu, peranan dan fungsi Bahagian telah disusun semula dan tanggung-jawabnya diperluaskan tetapi bilangan Cawangan dan jumlah pegawai dikekalkan. Di samping meneruskan penguatkuasaan Kaedah-Kaedah Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara (Kawalan Penyembelihan) 1975. Bahagian juga turut menguatkuasakan Undang-Undang Jabatan di peringkat Persekutuan dan Negeri.

Dalam penyusunan semula organisasi Jabatan pada tahun 1990, jumlah perjawatan di Bahagian Penguatkuasaan telah ditambah kepada 122 orang. Jumlah Cawangan yang sebelumnya sebanyak tujuh (7) buah iaitu Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Perak, Pahang, Kedah dan sebuah unit di Taiping telah ditambah menjadi sepuluh (10) buah dengan penubuhan Penguat Kuasa Kelantan, Terengganu, Pulau Pinang serta sebuah unit baru lagi di Raub. Aktiviti penguatkuasaan juga turut bertambah dengan pewartaan Undang-undang baru dari masa ke semasa.

Dalam penyusunan semula organisasi Jabatan pada tahun 1995, satu jawatan (Pegawai Veterinar

Gred G3), telah dipindahkan ke Bahagian lain dan ia menjadikan jawatan yang masih kekal berjumlah 121 jawatan. Bahagian Penguatkuasaan telah mengalami perubahan besar dalam struktur organisasi dengan penyusunan semula pada tahun 2007. Struktur organisasi Bahagian di semua peringkat disusun semula berasaskan fungsi utama iaitu Operasi, Penyiasatan dan Pendakwaan. Melalui penyusunan semula organisasi, Bahagian Penguatkuasaan telah berkembang kepada 219 jawatan dari pelbagai gred diluluskan. Sehingga tahun 2010, Bahagian Penguatkuasaan berada di kesemua 13 buah Negeri/Wilayah Persekutuan dan 5 buah di peringkat cawangan Taiping, Raub, Besut, Segamat dan Gua Musang.

Mulai tahun 1982, apabila Majuternak dibubarkan, fungsi Bahagian Penguatkuasaan Majuternak telah diambil alih oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan semua pegawai yang sedang berkhidmat turut diserapkan.



VISI, MISI, OBJEKTIF & PIAGAM PELANGGAN

VISI

Industri ternakan dan kebajikan haiwan di Negara ini terjamin dan terpelihara



MISI

Menguatkuasakan peruntukan undang-undang jabatan secara adil dan saksama ke arah membangunkan industri ternakan Negara

PIAGAM PELANGGAN

- Memastikan tindakan penguatkuasaan diambil mengikut lunas undang-undang
- Memberi jawapan akuan terima kepada semua aduan yang diterima secara rasmi dalam tempoh tiga (3) hari
- Mengambil tindakan terhadap semua aduan dalam tempoh 48 jam daripada aduan diterima
- Menjalankan penyiasatan awal Kertas Siasatan dalam tempoh 14 hari
- Mengemukakan pendaftaran saman di mahkamah dalam tempoh seminggu daripada tarikh menerima arahan Timbalan Pendakwa Raya

OBJEKTIF

- Menentukan wabak penyakit ternakan dalam Negara tidak merebak melalui kawalan pemindahan ternakan
- Memastikan bekalan daging tempatan (kerbau, lembu, kambing, bebiri dan khinzir) daripada sumber yang diluluskan melalui kawalan penyembelihan.
- Menentukan haiwan tidak dizalimi
- Mengurangkan pencemaran alam sekitar dengan memastikan semua ladang ternakan mematuhi syarat-syarat lesen penternakan.



PEJABAT PENGUAT KUASA VETERINAR NEGERI & CAWANGAN



Penguat Kuasa Veterinar Johor ▲



Penguat Kuasa Veterinar W.P Labuan ▲



Penguat Kuasa Veterinar Cawangan Gua Musang ▲



Penguat Kuasa Veterinar Melaka ▲



Penguat Kuasa Veterinar Negeri Sembilan ▲



Penguat Kuasa Veterinar Cawangan Besut ▲

PEJABAT PENGUAT KUASA
VETERINAR NEGERI & CAWANGAN




Penguat Kuasa Veterinar Terengganu ▲




Penguat Kuasa Veterinar Perlis ▲



Penguat Kuasa Veterinar Cawangan Segamat ▲



Penguat Kuasa Veterinar W.P. Kuala Lumpur ▲



Penguat Kuasa Veterinar Cawangan Taiping ▲



Penguat Kuasa Veterinar Selangor ▲



PEJABAT PENGUAT KUASA
VETERINAR NEGERI & CAWANGAN




OPERASI



Operasi HPAI di Kelantan



Pemeriksaan Tempat Simpanan Sejuk Beku 'Cold Storage'



Sekatan Jalan Raya Operasi HPAI



OPERASI



Operasi Pemindahan Ternakan



Pemeriksaan



▲ Pemeriksaan Aduan Awam ▲



OPERASI



Gerai Jualan Daging



Operasi Pemeriksaan Ladang Unggas



Pemeriksaan Ladang Ternakan

Pemeriksaan di Pasar Awam



OPERASI



Rampasan Karkas



Pemeriksaan Kedai Haiwan Kesayangan



Serbuan di Tempat Penyembelihan Ternakan

PENYIASATAN



Merakam
Percakapan
Suspek



Pegawai
Penyiasat
bersedia untuk
menjalankan
siasatan



Siasatan
di tempat
kejadian



PENYIASATAN



**Pelupusan
Barang
Kes**




PENDAKWAAN



**PENDAKWAAN
KES JABATAN
DI SELURUH
MALAYSIA**



KURSUS & SEMINAR &



Kursus Pemantapan Penguat Kuasa





Pemahaman Undang-Undang Veterinar



Kursus Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772)



Peserta Kursus Penyiasatan



Kursus Pemantapan Fizikal di Pasukan Gerakan Am Ulu Kinta, Perak



Penguat Kuasa 2017





Mesyuarat Ketua-Ketua Penguat Kuasa di Teluk Batik, Perak

MEMORI

MESYUARAT KETUA-KETUA PENGUAT KUASA VETERINAR NEGERI DAN CAWANGAN YANG TELAH DIADAKAN



Mesyuarat Ketua-Ketua Penguat Kuasa di Pulau Redang, Terengganu



Mesyuarat Ketua-Ketua Penguin Kuasa
di Lumut, Perak



Mesyuarat Ketua-Ketua Penguin Kuasa
di Jerantut, Pahang



Mesyuarat Ketua-Ketua Penguin Kuasa di Tok Aman Bali, Kelantan



Mesyuarat Ketua-Ketua Penguin Kuasa
di Lumut, Perak



Mesyuarat Ketua-Ketua Penguin Kuasa
di Johor Bharu, Johor

PROGRAM **KHIDMAT NASIHAT** UNDANG-UNDANG VETERINAR

PROGRAM ini bertujuan untuk memberikan khidmat nasihat penguatkuasaan Undang-Undang Veterinar kepada 'Stakeholder' dan 'Client' dalaman jabatan bagi memantapkan dan meningkatkan tahap pengetahuan serta kefahaman Undang-Undang Veterinar secara komprehensif.

Program ini telah mula dilaksanakan semenjak bulan April 2016 secara bulanan pada setiap hari Jumaat minggu kedua selama 2 jam bermula dari 9.00 pagi hingga 11.00 pagi bertempat di Bilik Mesyuarat Panthera, Bahagian Penguatkuasaan, Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar, Putrajaya. Sehingga kini seramai lapan puluh dua orang 'client' dalaman jabatan telah mendapat manfaat melalui program ini.



AKTIVITI SOSIAL & KEBAJIKAN





AKTIVITI SOSIAL & KEBAJIKAN



Gotong Royong
di tempat tahanan
barang kes
Penguat Kuasa
di Chemor, Perak



Penyertaan Bahagian
Penguatkuasaan
semasa pameran
Jabatan



Lawatan
Pengarah
Penguat Kuasa
ke W.P Labuan



Sukan & Riadah



Penguat Kuasa
Veterinar
Aktif
Bersukan

KERATAN AKHBAR





PEMBENTANGAN PENCAPAIAN KES BAGI ANUGERAH PIALA “1 PENGUAT KUASA”



Penyampaian Piala Anugerah
“1 Penguat Kuasa” oleh
Mantan Ketua Pengarah

PEMBENTANGAN Pencapaian Kes Bagi Anugerah Piala “1 Penguat Kuasa” ini adalah untuk mengenalpasti kes penguatkuasaan yang baik dan berkualiti untuk dijadikan rujukan buat semua pegawai penguat kuasa sebagai pendekatan pembelajaran yang lestari. Di samping itu juga, pembentangan ini dapat menilai kompetensi semua peringkat pegawai khususnya dalam melaksanakan aktiviti lapangan.

Kecemerlangan kes penguat kuasa yang berkualiti dinilai berdasarkan kepada tatacara dan prosedur yang menepati kombinasi semua skop fungsi Perisikan, Operasi, Penyiasatan dan Pendakwaan yang menjadi nadi penguatkuasaan. Penyertaannya adalah daripada semua Penguat Kuasa Veterinar Negeri dan Cawangan.

Kes terbaik dan berkualiti yang dikenalpasti akan menerima satu Piala Pusingan yang dinamakan “1 Penguat Kuasa” supaya pengiktirafan tersebut akan menjadi galakan dan dorongan untuk terus menghasilkan kualiti kerja yang cemerlang. Kes-kes yang terpilih juga akan dikumpul dan diedarkan kepada semua negeri semoga ia menjadi panduan dan rujukan kepada semua anggota Penguat Kuasa untuk menjalankan tugas penguatkuasaan dengan lebih cekap dan berkesan.



Pembentangan
Kes Anugerah
“1 Penguat Kuasa”



Pemenang Anugerah
“1 Penguat Kuasa”
di Sarawak



Pemenang Anugerah
“1 Penguat Kuasa”
di Sabah

Pengiktirafan



Anugerah
Perkhidmatan
Cemerlang



Penganugerahan
Sijil Terbaik
Naziran
Peringkat
Negeri



Perasmian Tarikh Kuatkuasa Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772)



Majlis Perpisahan Sempena Persaraan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar



Majlis Penyerahan Nota Serah Tugas Pegawai di Ibu Pejabat, Putrajaya



Latihan Pra-Operasi Khazanah Negara 2016 bersama Jabatan Perhilitan dan Taman Negara



Serikandi Penguat Kuasa Veterinar



Operasi bersama JPHPT Sabah



Ops-Khazanah Negara 2016 di Taman Negara Endau, Rompin

LAIN-LAIN AKTIVITI



Mesyuarat Khas Ops-Khazanah Negara bersama Pelbagai Agensi di Bukit Aman



Warga Penguat Kuasa On-Air di Kedah FM




Perasmian Manual Prosedur Penguat Kuasa Veterinar HPAI oleh Mantan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia



Majlis NBOS Y.A.B Perdana Menteri bersama Penternak di Perak



MAHA di MAEPS Serdang, Selangor.



Penyerahan Kenderaan Khas Pegawai Penyiasat Penguat Kuasa Veterinar



Mendiang
En. Anbu
“tetap dalam
ingatan”



SUMBANGAN ANDA SEMUA
DIHARGAI DAN DIKENANG
SELALU



Pn. Ruskiah
“anggun selalu”



En. V. Murthy
“senyum selalu”



Hj. Zaini Sabran
“work smart”



En. Haidzir
bin Yusop
*"Mantan Pengarah
Bahagian
Penguatkuasaan"*



En. Soh
Tian Siong
"Sifu"

En. G. Tambe Raja
"berjiwa muda"



En. Dominic
"gembira selalu"



En. Tee Thian See
*"wajahmu
di mana-mana"*

En. Ho Ah Kow
"untung selalu"



En. Isaac
Santhana Das
"smiley face"



WARGA PENGUAT KUASA VETERINAR



Warga Penguat Kuasa Veterinar Terengganu



Warga Penguat Kuasa Veterinar Cawangan Gua Musang



Warga Penguat Kuasa Veterinar Melaka



Warga Penguat Kuasa Veterinar Kuala Lumpur



Warga Penguat Kuasa Veterinar Perlis



Warga Penguat Kuasa Veterinar Johor



Warga Penguat Kuasa Veterinar Kedah



WARGA PENGUAT KUASA VETERINAR



Warga Penguat Kuasa Veterinar Selangor

Warga Penguat Kuasa Ibu Pejabat



Warga Penguat Kuasa Veterinar Kelantan



Warga Penguat Kuasa Veterinar Cawangan Besut

Jabatan Perkhidmatan Veterinari Negeri Perak



Warga Penguat Veterinar



Warga Penguat Kuasa Veterinar Perak



Veterinar
Putrajaya

Warga Penguat Kuasa
Veterinar Cawangan Taiping



Warga Penguat Kuasa
Veterinar Cawangan Segamat

Warga Penguat Kuasa
Veterinar Pulau Pinang



Kuasa
Pahang

Warga Penguat Kuasa
Veterinar Cawangan Raub



Warga Penguat Kuasa
Veterinar Labuan

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi
penghargaan dan
terima kasih
kepada semua yang
terlibat secara langsung dan
tidak langsung dalam
menerbitkan Buletin
Penguat Kuasa Veterinar
Edisi 2017.

TERIMA KASIH



BAHAGIAN PENGUATKUASAAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI

Wisma Tani, Blok Podium, Lot 4G1, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62624 Putrajaya
(603) 8870 2000 (603) 8888 6643 Email: pro[a]dvs.gov.my